



Ruj Kami : KPMSP.500-2/6/1 JLD. 2(76)  
Tarikh : 5 Mac 2018

**Semua Pengarah Bahagian**  
**Sektor Operasi Pendidikan**  
**(Seperti Senarai Edaran – Lampiran A)**

**Semua Pengarah**  
**Jabatan Pendidikan Negeri**  
**(Seperti Senarai Edaran – Lampiran B)**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN PERMOHONAN ANGGARAN BELANJA**  
**MENGURUS (PERJAWATAN) TAHUN 2019 BAGI**  
**SEKOLAH/INSTITUSI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian ini sedang dalam penyediaan permohonan Anggaran Belanja Mengurus (Perjawatan) Tahun 2019 yang akan dikemukakan kepada Agensi Pusat pada bulan Jun 2018. Bagi memastikan kelancaran urusan tersebut maka Kementerian ini telah menetapkan penyediaan permohonan ABM(P) Tahun 2018 bagi sekolah-sekolah di bawah kawalan **Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)** akan dilaksanakan secara dalam talian melalui **Sistem Maklumat Guru (SMG) Modul e-Operasi** mulai **8 Mac 2018** hingga **28 Mac 2018** manakala sekolah-sekolah di bawah

kawalan **Bahagian (Sektor Operasi Pendidikan)** dilaksanakan secara format manual mulai 8 Mac 2018 hingga 22 Mac 2018.

3. Sebagai panduan bagi urusan penyediaan ABM(P) Tahun 2019, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan boleh memuat turun garis panduan penyediaan ABM(P) Tahun 2019 melalui SMG Modul e-Operasi mulai 7 Mac 2018.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dengan memaklumkan kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian/ JPN, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah/institusi di bawah seliaan dan pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berikan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.



**(ROZIDA ZAMOL ABIDIN)**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

☎ 03-88847998 📠 03-88847840

s.k.

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian